



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PENINGKATAN KAPASITI DAN PENGOPTIMUMAN RANGKAIAN SEDANG GIAT DIJALANKAN UNTUK MENAMPUNG PERMINTAAN TINGGI JALUR LEBAR

Saya ambil maklum bahawa permintaan terhadap jalur lebar telah melonjak tinggi sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana rakyat Malaysia kini bergantung kepada Internet untuk menjalankan kebanyakan aktiviti mereka dari rumah. Ini termasuk bekerja dari rumah, pembelajaran maya, pembelian dalam talian, hiburan dan sebagainya.

Selain itu, kapasiti jalur lebar juga diperlukan untuk menampung keperluan tambahan di lokasi-lokasi kritikal seperti hospital, pusat kuarantin, agensi kerajaan, agensi penguatkuasaan dan pusat media.

Menurut perangkaan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), aliran trafik Internet telah meningkat sebanyak 23.5% pada minggu pertama PKP, peningkatan sebanyak 8.6% pada minggu kedua PKP manakala pada minggu ketiga PKP pula aliran trafik Internet telah menurun sebanyak 1.6%. Trend ini menyebabkan kesesakan dan penurunan kelajuan muat turun, yang memberi kesan kepada pengalaman pengguna.

Pelbagai langkah telah diambil untuk menampung permintaan tinggi jalur lebar dalam kalangan rakyat terutamanya sepanjang PKP ini agar tugas harian dapat dijalankan tanpa sebarang gangguan. Ini termasuk pemberian Internet berkelajuan tinggi percuma

dengan kapasiti 1GB untuk pelanggan pascabayar dan prabayar antara jam 8 pagi hingga 6 petang setiap hari sehingga PKP tamat. Selain itu, perkhidmatan jalur lebar tetap ditawarkan kepada pelanggan tanpa sebarang had data, bagi menggalakkan rakyat Malaysia memanfaatkan masa mereka sepenuhnya di rumah.

Saya amat memahami kesulitan yang dihadapi oleh rakyat apabila akses kepada Internet tidak memuaskan pada waktu-waktu tertentu. Kementerian Komunikasi dan Multimedia, melalui MCMC, dengan kerjasama pihak pemberi perkhidmatan telekomunikasi sedang giat memperkukuhkan prestasi rangkaian masing-masing melalui pelaburan tambahan bernilai RM400 juta seperti yang diumumkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) baru-baru ini. Ini termasuklah usaha seperti:

- Melaksanakan pengoptimuman rangkaian dan peningkatan kapasiti radio di kawasan yang mempunyai penggunaan yang tinggi;
- Melaksanakan penyuraian penggunaan kapasiti rangkaian untuk memenuhi permintaan "*bandwidth*" yang meningkat di premis kediaman;
- Menaik taraf sambungan "*backhaul*" tanpa wayar kepada sambungan gentian optik;
- Meningkatkan kapasiti rangkaian utama domestik termasuk menyediakan infrastruktur gentian optik baharu, meningkatkan "*bandwidth*" sambungtara dan menggunakan kapasiti rizab;
- Meningkatkan kapasiti rangkaian antarabangsa; dan
- Menyediakan stesen pemancar mudah alih serta menyediakan akses Wi-Fi untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan trafik rangkaian di kawasan kritikal.

Sepanjang proses penambahbaikan ini, MCMC memantau prestasi rangkaian dan memudahcara sebarang cabaran yang dihadapi oleh pemberi perkhidmatan dalam melaksanakan tugas mereka.

Saya menyeru agar rakyat Malaysia dapat bersabar dan memahami kekangan yang dihadapi oleh pihak industri dalam melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan “bandwidth” secara berterusan demi kebaikan bersama. Saya yakin kesalinghubungan digital yang berdaya tahan bakal menanti rakyat apabila semua inisiatif yang dirancang oleh Kerajaan dilaksanakan dengan hasil sokongan yang diberikan oleh pelbagai pihak berkepentingan untuk kesejahteraan semua.

DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH

MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

14 APRIL 2020